

Hishammuddin Dakwa Kenyataannya Diputar Belit Portal Berita Pro-Pembangkang Bernama
15 September, 2012

HULU TERENGGANU, 15 Sept (Bernama) -- Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mendakwa kenyataannya semalam berhubung kedudukan pembangkang di Johor, diputar belit sebuah portal berita pro-pembangkang.

Naib Presiden Umno itu menjelaskan kenyataan beliau itu mengulas tentang kedudukan sokongan kepada pembangkang di Johor menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Saya kata kedudukan pembangkang di Johor tak terjamin, penduduk Johor sendiri yang tentukan, merujuk kepada sokongan terhadap pembangkang terletak di tangan penduduk Johor sendiri.

"Namun apa yang saya kesali portal itu 'spin' kata keselamatan pembangkang yang mengadakan 'road-tour' di Johor saya tidak boleh jamin... ini berniat jahat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Hulu Terengganu 2012 di Kuala Berang di sini.

Semalam portal berita itu melaporkan Hishammuddin sebagai berkata kerajaan tidak perlu menjamin keselamatan untuk program jelajah pembangkang yang terus dicemari perbuatan khianat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694940>